



Good food, Good life

Siaran Berita

Petaling Jaya, Oktober 15, 2020

'Bangkit Bersama Nestlé' Hulus Bantuan Kepada Pengendali F&B Yang Terjejas Akibat COVID-19

Sebagai sebahagian daripada komitmennya untuk menyokong rakyat Malaysia yang terjejas akibat pandemik COVID-19, Nestlé Malaysia telah melancarkan kempen, *Bangkit Bersama Nestlé*, yang bertujuan menyokong pengendali makanan dan minuman (F&B) tempatan yang terkesan oleh COVID-19.

Kempen *Bangkit Bersama Nestlé* adalah sebahagian daripada usaha bantuan COVID-19 anjuran Nestlé Malaysia yang selaras dengan pengumuman yang dibuat sebelum ini.

Menghuluskan Bantuan Meringankan Beban

Kempen *Bangkit Bersama Nestlé* yang diterajui oleh NESTLÉ PROFESSIONAL sudah pun melancarkan beberapa inisiatif termasuk program bantuan perniagaan dan sumbangan wang tunai untuk membantu kedai kopi, kedai mamak serta kedai makan dan restoran.

Nestlé turut memberikan sumbangan kepada persatuan perniagaan tempatan menerusi derma tunai, makanan dan bekalan lain (cth pelitup muka percuma) untuk membantu ahli-ahli mereka.

Persatuan perniagaan tempatan yang menerima sokongan sepanjang kempen ini termasuk Persatuan Pengusaha Restoran Muslim Malaysia, Persatuan Pengusaha Restoran India Malaysia, Persatuan Am Pemilik Kedai Kopi Malaysia Singapura, Persatuan Hotel-Hotel Malaysia dan Persatuan Restoran & Chef Ku Su Shin Choong Hung.

En. Juan Aranols, Ketua Pegawai Eksekutif, Nestlé (Malaysia) Berhad, berkata, "Walaupun aktiviti semakin beransur pulih, masih banyak perniagaan kecil dalam sektor Luar Rumah yang terkesan oleh COVID-19. Menerusi kempen *Bangkit Bersama Nestlé*, kami sudah menyalurkan RM5 juta untuk membantu 15,000 pengendali F&B tempatan meneruskan perniagaan mereka pada masa yang sukar ini."

Sejajar dengan matlamat Kerajaan untuk merangsang dan memulihkan ekonomi negara supaya kembali rancak, Nestlé juga akan membantu pengendali F&B kecil dan sederhana untuk meneroka peluang komersial baharu dan melancarkan penyelesaian teknikal baharu yang menyokong proses pendigitalan bagi segmen pelanggan ini.

"Cabaran yang dihadapi ketika Perintah Kawalan Pergerakan telah menyebabkan ramai pengendali F&B mempertimbangkan bagaimana mereka boleh memanfaatkan platform digital untuk mengubah perniagaan dan meneruskan operasi pada masa depan. Kita telah mengadakan banyak rundingan dan perbincangan terperinci bersama pelbagai rakan niaga dan persatuan runcit di seluruh sektor untuk memahami masalah yang

dihadapi mereka sebelum merangka penyelesaian efektif yang boleh membawa manfaat besar kepada pelanggan F&B kami di sektor Luar Rumah. Kami akan berkongsi maklumat lanjut tentang inisiatif menarik ini tidak lama lagi," kata Cik Yit Woon Lai, Pegawai Eksekutif Perniagaan, NESTLÉ PROFESSIONAL.

Sebagai kesimpulan, En. Aranols berkata, "Kami mahu membantu para pengendali F&B untuk menyesuaikan diri dengan persekitaran yang kian berubah akibat COVID-19. Kami berharap dengan membantu mereka memulakan semula perniagaan masing-masing, mengenal pasti dan mengambil peluang baharu serta menambah baik tawaran, kami dapat membantu mereka mencari saluran pertumbuhan baharu, membina daya tahan dan berkembang maju dalam jangka panjang."

Tentang Nestlé Malaysia

Nestlé merupakan pengeluar makanan dan minuman terbesar di dunia. Dengan ibu pejabat yang terletak di Switzerland, Nestlé beroperasi di lebih 180 buah negara di seluruh dunia dan kesemua pekerja kami seramai 291,000 orang komited dalam membantu mencapai tujuan Nestlé untuk merungkai kuasa makanan demi meningkatkan kualiti kehidupan bagi semua, pada hari ini dan untuk generasi akan datang. Matlamat kami didorong oleh strategi Pemakanan, Kesihatan dan Kesejahteraan kami. Sejak tahun 1912, Nestlé dipercayai oleh para pengguna kami menerusi jenama-jenama dan produk kami yang berkualiti. Kami komited dalam meningkatkan taraf hidup masyarakat di mana saja kami beroperasi, sambil mengekalkan kecemerlangan dan integriti Halal. Ini selaras dengan janji kami dalam memberikan "GOOD FOOD, GOOD LIFE" kepada semua.

Untuk mengetahui lebih lanjut mengenai bagaimana kami telah membantu rakyat Malaysia menjalani kehidupan sihat selama lebih satu abad, sila layari www.nestle.com.my atau laman Facebook kami di <http://www.facebook.com/Nestle.Malaysia>.

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

Maxine Lim

Nestlé (Malaysia) Berhad

Tel: +603 7965 6650

Mobile: +6012 353 1337

E-mail: Maxine.Lim@my.nestle.com

Alya Nurina or Yasmin Kadir

acorn communications

Tel: (+603) 7958 8348

Mobile: +6010 -221 8216 (Alya) atau

+6017 237 9048 (Yasmin)

E-mail: acorncommunications@acornco.com.my